



KENYATAAN MEDIA KHAS YAB KETUA MENTERI SABAH

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 5 DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO.5) 2020 SECARA BERPERINGKAT DI NEGERI SABAH

- 1) Kerajaan Negeri mengambil maklum akan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam kawasan Tempatan Jangkitan) (No.5) 2020, yang mula berkuatkuasa pada 4 Mei 2020 hingga 12 Mei 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- 2) Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 5 di Sabah akan dilakukan secara berperingkat **mulai 07 Mei 2020** tertakluk kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 3) Sektor-sektor yang dibenarkan beroperasi untuk peringkat permulaan adalah **Sektor Pertanian dan Industri Makanan (serta rangkaiannya), Sektor Perkilangan dan Pembuatan (serta rangkaiannya) dan operasi logistik seperti pengangkutan darat, jeti dan pelabuhan.**
- 4) Kerajaan Negeri juga memutuskan kilang-kilang dan ladang-ladang sawit di Daerah Lahad Datu, Kunak dan Kinabatangan dibenarkan beroperasi semula tertakluk kepada pengesahan bebas COVID-19 daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.
- 5) Sekali lagi Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa keselamatan dan kebajikan rakyat Sabah merupakan keutamaan Negeri Sabah.

Sekian.

YAB KETUA MENTERI SABAH
07 MEI 2020 | 10.00 PAGI